

Malaysia 5.0 pacu misi peneraju ekonomi digital

MDEC pastikan negara terap konsep hidup, bekerja era IR4.0

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menetapkan misi penting untuk menjadikan negara sebagai peneraju ekonomi digital menerusi naratif Malaysia 5.0.

Pengarah Penerimgunaan Perniagaan Digital, Muhundhan Kamarapullai, berkata Malaysia 5.0 diperkenalkan untuk membawakan kemunculan teknologi yang bakal menjadi asas dalam pembentukan ekonomi digital sekali gus Malaysia sebagai nadi digital ASEAN.

“Aspirasi utama MDEC adalah

memastikan Malaysia bergerak ke arah pemodenan digital dan menerapkan konsep hidup dan bekerja pada era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) untuk memacu kesejahteraan bersama seiring pemangkin terhadap peralihan ke Malaysia 5.0,” katanya kepada *BH*.

Mengulas lanjut, Kamarapullai berkata, bagi merealisasikan Malaysia 5.0, MDEC berpegang kepada tiga pendirian khusus iaitu warganegara Malaysia yang mahir dalam bidang digital; perniagaan berteraskan digital; dan pelaburan digital.

“Pendirian pertama, iaitu warganegara Malaysia yang mahir dalam bidang digital, MDEC sudah melabur ke arah kepakaran ekonomi digital Malaysia untuk memperkasakan kepakaran dalam bidang digital dengan memudahkan pakar teknologi antarabangsa dan nomad digital untuk mengukuhkan kepakaran di Malaysia.

“Pendirian kedua (perniagaan berteraskan digital) pula, MDEC memiliki pengalaman lebih dari dua dekad dalam keberkesanan

menerajui teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan perkembangan ekonomi digital Malaysia di mana kami membantu meningkatkan pelbagai syarikat teknologi tempatan.

“Bagi pelaburan digital, kami memberi tumpuan teknologi generasi baharu seperti teknologi kecerdasan buatan (AI), teknologi dron, teknologi kewangan (Fin-Tech) dan teknologi blockchain. Namun, pembabit sektor swasta yang luas dari dalam dan luar negara diperlukan untuk membolehkan digitalisasi holistik. Justeru, MDEC menawarkan insentif dan persekitaran yang kondusif kepada pelabur awal,” katanya.

Beliau berkata, MDEC juga komited untuk menerajui pemodenan ekonomi digital dan menjadikan Malaysia sebagai tunjang utama digital ASEAN.

Katanya, Malaysia perlu menerapkan pendekatan digital dalam norma baharu sekali gus membantu memastikan peralihan digital perusahaan kecil dan sederhana (PKS) diberi tumpuan.

“Untuk ini, MDEC memperkenalkan kempen #SayaDigital iaitu inisiatif untuk memfokuskan rakyat Malaysia. Kempen #SayaDigital ini dilancarkan untuk mempercepatkan pertumbuhan dan penggunaan digital dalam kalangan rakyat Malaysia.

“Ada empat hala tuju utama dalam kempen #SayaDigital iaitu memudahkan kehidupan seharian; meningkatkan pendapatan; memperkasakan kerjaya; dan menggalakkan perkembangan perniagaan,” katanya.

Bagi industri, Kamarapullai berkata, MDEC membawa Platform Maya Digital Xcelerator (DX), dengan memfokus penggalakkan ekosistem digitalisasi PKS.

Katanya, platform inisiatif secara percuma itu direka khas bagi membantu PKS untuk mendapatkan akses ke program yang sedia ada, insentif dan penyelesaian teknologi yang bersesuaian dengan keperluan khusus digital.

“Dari segi fokus kepada pelaburan, MDEC mengalukan lebih banyak perkongsian awam-



MDEC juga komited untuk menerajui pemodenan ekonomi digital dan menjadikan Malaysia sebagai tunjang utama digital ASEAN.

Muhundhan Kamarapullai,
Pengarah Penerimgunaan
Perniagaan Digital MDEC

swasta (PPP) dengan pihak berkepentingan penggunaan digital Malaysia untuk terus membantu dan mencipta lebih banyak nilai bagi perniagaan PKS dalam jangka panjang.

“Oleh itu, untuk mempercepatkan penerapan digital dalam kalangan perniagaan tempatan, MDEC mahukan lebih banyak pembabit sektor swasta dalam pendigitalisasi PKS,” katanya.